

**D.R. 9/2005**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 3**

**2.** Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [*Akta 246*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 3, dalam takrif "Ketua Pengarah" dengan menggantikan perkataan "Ketua Pengarah Tenaga Rakyat" dengan perkataan "Ketua Pengarah Tenaga Kerja".

**Pindaan seksyen 4**

**3.** Seksyen 4 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Yang di-Pertuan Agong" dengan perkataan "Menteri".

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 ("Akta 246").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 246 untuk mengadakan peruntukan bagi memindahkan kuasa penguatkuasaan dan pelaksanaan Akta 246 daripada Ketua Pengarah Tenaga Rakyat kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 246 untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik pegawai-pegawai bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta 246 di Semenanjung Malaysia dan juga di negeri Sabah dan Sarawak.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2306]